

PRN Negeri Sembilan uji jajaran politik baharu BN-PAS

● Rundingan bukan sekadar mempertahankan kerusi sedia ada, tetapi berkemungkinan menyasarkan kerusi PH boleh berubah tangan sekiranya undi BN dan PAS berjaya disatukan

● PH mesti menjadikan PRN ini sebagai pertandingan prestasi. Sebagai kerajaan negeri sejak 2018, PH perlu menunjukkan pencapaian boleh dilihat di setiap daerah, mengakui kelemahan dan memberikan penyelesaian dengan tarikh jelas

Oleh Prof Dr Rusdi Omar
bhrencana@bh.com.my

Pengumuman 5 calon Barisan Nasional (BN) bagi Pilihan Raya Negeri (PRN) Negeri Sembilan pada 1 Ogos ini memberikan petunjuk kuat satu jajaran politik baharu sedang dibentuk.

Perkara paling menarik ialah keputusan BN mengosongkan 11 daripada 36 kerusi untuk ditentukan bersama 'rakan boleh dipercayai'.

Walaupun bentuk muktamad kerjasama itu masih menunggu pengumuman rasmi, perkembangan rundingan antara BN dengan PAS menunjukkan kemungkinan kewujudan persefahaman membabitkan PAS dan parti lain bersama blok berkenaan.

Jika direalisasikan, kerjasama ini berpotensi mengubah keseluruhan persaingan di Negeri Sembilan daripada pertandingan tiga penjurua kepada pertembungan lebih langsung antara jajaran BN-PAS dengan Pakatan Harapan (PH).

Asas kepada potensi ini dapat dilihat daripada

mempertahankan kerusi sedia ada, tetapi berkemungkinan menyasarkan kerusi PH boleh berubah tangan sekiranya undi BN dan PAS berjaya disatukan.

DUN Sikamat, Ampangan dan Klawang harus diberikan perhatian khusus. Ketiga-tiganya mempunyai pengundi Melayu besar, manakala majoriti kemenangan PH di Ampangan dan Klawang pada 2023 masing-masing hanya 329 dan 577 undi.

Dalam pertandingan satu lawan satu, penyatuan undi lawan boleh menjadikan kerusi sedemikian sangat terdedah.

Mampu tangani perpecahan undi

Kekuatan utama jajaran baharu ini ialah kepayaannya menghapuskan perpecahan undi. BN membawa pengalaman pentadbiran, rangkaian tradisional UMNO, calon tempatan dan jentera lama bertapak.

PAS pula memiliki penyokong berdisiplin, rangkaian akar umbi serta kemampuan mengerakkan pengundi Melayu, manakala Parti Wawasan Negara (WAWASAN), dengan pengaruh tokoh veteran seperti Tan Sri Dr Rais Yatim, berpotensi

selatan manakala PAS serta rakan-rakannya menumpukan kawasan majoriti Melayu menjadi kekuatan mereka.

Strategi ini dapat mengurangkan pertandingan tiga penjurua yang sebelum ini membolehkan PH menang apabila undi lawan berpecah.

Bagaimanapun, jajaran baharu ini tidak boleh dibina hanya atas keinginan menewaskan PH. Kegagalan Muafakat Nasional (MN) perlu menjadi pengajaran.

MN pada awalnya menerima sambutan akar umbi yang besar tetapi akhirnya terjejas akibat perebutan kepimpinan, pembahagian kerusi, persoalan hubungan dengan BERSATU serta ketiadaan mekanisme menyelesaikan pertikaian.

Bagi memastikan kerjasama kali ini berkekal, BN dan PAS perlu mempunyai perjanjian bertulis menetapkan objektif, pembahagian kerusi, calon ketua kerajaan, kaedah membuat keputusan serta mekanisme menyelesaikan konflik.

Sebuah sekretariat tetap juga perlu ditubuhkan supaya hubungan tidak hanya digerakkan menjelang pilihan raya.

Apa yang penting, pembahagian kerusi mesti



Penganalisis politik bebas

keputusan PRN 2023. Ketika itu, PH memenangi 17 kerusi, BN (14) dan Perikatan Nasional (PN) kuasai lima kerusi.

Secara matematik, gabungan kerusi BN dan PN sudah menghasilkan 19 kerusi, jumlah minimum membentuk kerajaan negeri.

Namun begitu, keputusan lalu tidak boleh dicampurkan secara automatik kerana pilihan raya sebenar turut dipengaruhi calon, kadar keluar mengundi, perpindahan sokongan dan kekuatan jentera.

Daripada 11 kerusi tidak diumumkan calonnya oleh BN, empat dimenangi PN pada PRN 2023, iaitu Dewan Undangan Negeri (DUN) Serting, Paroi, Bagan Pinang dan Gemas.

Kesemuanya mempunyai peratusan pengundi Melayu tinggi. Tujuh lagi ialah kerusi PH, termasuk DUN Klawang, Sikamat, Ampangan, Bukit Kepayang, Mambau dan Lukut.

Ini menunjukkan rundingan bukan sekadar

menyediakan ruang kepada bekas pemimpin dan penyokong tidak lagi bersama BERSATU.

Sekiranya pemindahan undi berlaku dengan baik, BN mempunyai laluan besar menjadi blok terbesar dan membentuk kerajaan Negeri Sembilan.

Jika formula ini berjaya, Negeri Sembilan akan menjadi makmal politik sebelum dibawa ke PRN Melaka. Melaka mempunyai akar UMNO kuat, banyak kerusi campuran dan sejarah persaingan rapat.

Kejayaan di Negeri Sembilan boleh meyakinkan BN dan PAS pembahagian kerusi, penyatuan jentera dan pemindahan undi boleh digunakan semula di negeri berkenaan.

Dari Melaka, jajaran ini boleh berkembang menjadi formula nasional menjelang Pilihan Raya Umum ke-16 (PRU16).

BN boleh memberi tumpuan kepada kawasan tradisionalnya, kerusi campuran dan wilayah

berdasarkan data, kekuatan jentera, penerimaan calon dan faktor boleh menang, bukan sekadar tuntutan jumlah undi.

Parti yang tidak bertanding pula mesti memberikan sokongan penuh kepada calon rakan. Sabotaj dalaman, boikot senyap atau kenyataan bercanggah hanya akan menggagalkan pemindahan undi.

Agenda perlu yakinkan semua kaum

Kerjasama itu juga mesti mempunyai agenda dasar meyakinkan semua kaum. Jajaran baharu perlu menawarkan penyelesaian mengenai kos sara hidup, pekerjaan, pelaburan, pendidikan, kebajikan dan pentadbiran bersih.

Penyatuan undi Melayu sahaja mungkin mencukupi untuk memenangi beberapa kerusi tetapi tidak memadai untuk membina kerajaan stabil dan diterima luas.

Bagi PH, ancaman ini tidak boleh ditangani hanya dengan memainkan ketakutan terhadap PAS atau menuduh BN mengkhianati Kerajaan Perpaduan.

PH mesti menjadikan PRN ini sebagai pertandingan prestasi. Sebagai kerajaan negeri sejak 2018, PH perlu menunjukkan pencapaian boleh dilihat di setiap daerah, mengakui kelemahan dan memberikan penyelesaian dengan tarikh jelas.

PH juga mesti memulihkan sokongan Melayu di kerusi panas seperti DUN Sikamat, Ampangan, Pilah, Klawang dan Labu di samping memastikan pengundi bandar serta bukan Melayu keluar mengundi.

Negeri Sembilan kini menjadi ujian pertama terhadap jajaran politik baharu ini. Jika berjaya, Melaka boleh menjadi peringkat kedua dan PRU16 medan penentuan.

Namun begitu, kejayaan jangka panjangnya bergantung kepada disiplin, kepercayaan, agenda dasar dan kesediaan berkongsi kuasa secara adil.

PH pula hanya boleh menanganinya melalui prestasi, pembaharuan komunikasi dan pemulihan keyakinan rakyat, bukan melalui retorik semata-mata.

